

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**JABATAN PENGAJIAN AM**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI 1: 2015/2016**

**BUA 1022: HUBUNGAN ETNIK**

**TARIKH : 29 DISEMBER 2015**

**MASA : 8.30 AM – 10.30 AM (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **EMPAT (4)** halaman bercetak.

Bahagian A: Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**SOALAN STRUKTUR : 100 MARKAH****ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan struktur. Jawab **KESEMUA** soalan.

**SOALAN 1**CLO1  
C1

a) Berikan definisi konsep berikut:

i) \_\_\_\_\_ ialah kelompok manusia yang ditentukan melalui perbezaan ciri budaya seperti adat resam, pakaian, bahasa, kegiatan ekonomi dan sebagainya.

ii) \_\_\_\_\_ ialah kepercayaan atau rasa bangga dalam kalangan anggota sesebuah etnik bahawa budaya dan etnik mereka jauh lebih baik dan hebat daripada kelompok lain.

iii) Rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik tertentu kerana anggotanya merasa disatukan dengan satu sejarah, nilai, sikap dan tingkahlaku yang sama dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

iv) \_\_\_\_\_ ialah kelompok manusia yang ditentukan melalui ciri-ciri fizikal.

v) \_\_\_\_\_ merupakan sikap atau pandangan negatif mengenai ahli atau kelompok etnik lain dengan membeza-bezakan sesuatu perkara yang menimbulkan tanggapan negatif terhadap etnik lain.

(5 markah)

CLO1  
C2

b) Masyarakat ialah kumpulan manusia yang hidup bersama-sama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara hidup tertentu.

Jelaskan **EMPAT (4)** ciri masyarakat yang perlu ada dalam hubungan etnik.

(8 markah)

- CLO2  
C3 c) Huraikan **EMPAT (4)** faktor penyumbang kepada pluraliti zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15M.  
(12 markah)

**SOALAN 2**

Perlembagaan Persekutuan 1957 merupakan undang-undang tertinggi Malaysia yang memberikan kuasa legislatif, eksekutif dan perundangan dalam melaksanakan pemerintahan negara. Hak kebebasan yang menyentuh hubungan etnik di Malaysia termaktub di bawah peruntukan Perkara 5 - 13 yang memberi keutamaan agar hubungan antara kaum dipelihara serta keharmonian dan kesejahteraan dapat dikekalkan.

- CLO3  
C2 a) Terangkan **DUA (2)** jenis Perlembagaan di Malaysia beserta contoh.  
(5 markah)
- CLO3  
C3 b) Huraikan **EMPAT (4)** sebab penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.  
(8 markah)
- CLO3  
C4 c) Analisis **EMPAT (4)** rasional peruntukan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.  
(12 markah)

**SOALAN 3**

Kekuatan sesebuah negara bergantung kepada sektor ekonomi dalam mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat. Oleh itu, Malaysia telah merancang pelbagai cara untuk memperkukuh pentadbiran ekonomi sebaik mungkin terutama selepas mencapai kemerdekaan.

- CLO 3  
C 2 a) Senaraikan **LIMA (5)** strategi Dasar Ekonomi Baru.  
(5 markah)
- CLO 3  
C 3 b) Huraikan **EMPAT (4)** prinsip sebagai teras utama Misi Nasional.  
(8 markah)
- CLO 3  
C 4 c) Rumuskan **EMPAT (4)** usaha bagi menangani masalah untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di era Misi Nasional.  
(12 markah)

**SOALAN 4**

- CLO4  
C2 a) Bincangkan **DUA (2)** cabaran hubungan etnik mengikut aspek berikut beserta contoh.  
i. Aspek ekonomi.  
ii. Aspek politik.  
(5 markah)
- CLO4  
C3 b) Huraikan **DUA (2)** peranan dasar pendidikan dalam pembangunan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.  
(5 markah)
- CLO4  
C4 c) Analisis secara kritis **LIMA (5)** pendekatan Islam dalam menangani masalah hubungan etnik.  
(15 markah)

**SOALAN TAMAT**